

**NO. SEBUT HARGA** : JPHL&TN(IP):SH171/2020  
**JABATAN** : INSTITUT BIODIVERSITI

**SEBUT HARGA BAGI PELUPUSAN SEBUAH (1) KENDERAAN INSTITUT BIODIVERSITI (VAN PREGIO – WQC 9757)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

BIL.	KETERANGAN ASET	KUANTITI	HARGA SIMPANAN
1.	No. Pendaftaran : WQC 9757 Buatan : KIA Nama Model : PREGIO Keupayaan Enjin : 2665 Tahun Dibuat : 2007	1 Buah	RM 4,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **29 Jun 2020 (Isnin) hingga 3 Julai 2020 (Jumaat)** di antara jam **10.00 pagi hingga 4.00 petang** di **Institut Biodiversiti, Bukit Rengit, 28500 Lanchang, Pahang**. Sepanjang sesi lawatan adalah tertakluk di bawah **Standard Operating Procedure (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP)** yang berkuatkuasa dan diselia oleh pegawai dari Institut Biodiversiti.
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-25) yang boleh diperolehi di alamat seperti para 4. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga **JPHL&TN(IP):SH171/2020** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat: -

**PENGARAH**  
**INSTITUT BIODIVERSITI**  
**BUKIT RENGIT**  
**28500 LANCHANG, PAHANG**  
 No Tel : 09-2803351  
 No Faks : 09-2803335  
 (u.p: Puan Noor Azinzi binti Azimat)

5. Tarikh tutup sebut harga pada **14 Julai 2020 (Selasa) jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.

(**ABDULLAH ZAWAWI BIN YAZID**)  
 b/p Pengarah  
 Institut Biodiversiti  
 Bukit Rengit  
 28500 Lanchang, Pahang



## SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000.00 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *Cashier's Order* sahaja atas nama **KETUA PENGARAH JABATAN PERHILITAN**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is-basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut, dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.